



# Buletin ICT

<http://www.treasury.gov.my>

Oktober 2003 Sya'ban/Ramadhan 1424 Bil. 5 (3/2003)

Edisi ICT Perbendaharaan



Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Seksyen Teknologi Maklumat,  
Bhg. Khidmat Nasihat  
Pengurusan Kewangan,  
Presint 2, Pusat Pentadbiran  
Kerajaan Persekutuan,  
62592 Putrajaya.

Buletin ini juga boleh  
diperolehi melalui laman  
Web Perbendaharaan.

## KERAJAAN ELEKTRONIK

**Kerajaan Elektronik (e-Government)** merupakan salah satu daripada tujuh aplikasi perdana di bawah Koridor Raya Multimedia (MSC) yang telah dilancarkan pada bulan Ogos 1996. Visi Kerajaan Elektronik (EG) adalah untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan Perkhidmatan Awam ke arah pencapaian kecemerlangan perkhidmatan melalui penggunaan IT dan Multimedia.

Dua objektif utama EG ialah untuk memperbaharui dan mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan jentera pentadbiran Kerajaan Malaysia (*reinvent the Government of Malaysia*) dan menjadi pemangkin kepada pembangunan Koridor Raya Multimedia. Tiga skop utama perkhidmatan EG ialah perkhidmatan di antara Kerajaan dengan orang ramai dan golongan perniagaan; perkhidmatan di kalangan agensi-agensi Kerajaan; dan perkhidmatan dalaman agensi Kerajaan.

Pelaksanaan Kerajaan Elektronik akan membawa paradigma baru dalam perkhidmatan awam dimana ia memperbaiki cara kerajaan beroperasi dan pada masa yang sama memberi perkhidmatan terbaik kepada orang ramai. Ia menjadikan komunikasi, interaksi dan aliran informasi diantara agensi-agensi kerajaan menjadi lebih efektif dan efisien, meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan juga mempercepatkan pembuatan dasar, penyelarasan dan penguatkuasaan.

Urusan-urusan berkenaan akan dikendalikan secara elektronik, beroperasi tanpa kertas (*paperless*) dan berdasarkan komunikasi pantas yang dilakukan secara atas talian (*online*) melalui pelbagai saluran.

Orang awam serta syarikat swasta boleh berurusan dengan pihak kerajaan secara elektronik dan atas talian di pusat sehenti (*one stop center*) yang disediakan seperti kiosk, *interactive voice response* (IVR)/telefon, perkhidmatan Internet melalui Web TV, komputer peribadi dan telefon bimbit. Urusan seperti pendaftaran kad pengenalan, lesen memandu, cukai pendapatan, pendaftaran syarikat, lesen perniagaan, perolehan kerajaan akan menjadi lebih mudah, selesa dan cepat kerana dijalankan secara elektronik. Bagi agensi-agensi kerajaan pula pemantauan projek, pengurusan sumber manusia, pengurusan persekitaran pejabat, latihan, urusan kewangan dan perakaunan akan lebih efisien dan selamat melalui penggunaan rangkaian komputer terkini (EG\*Net).

## Projek-Projek EG

**ePerolehan (eP)**- [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my)



Sistem perolehan elektronik yang dikenali sebagai ePerolehan telah menukar cara perolehan kerajaan dari manual kepada elektronik menerusi internet.

Pengguna-pengguna yang terdiri daripada syarikat pembekal dapat mempamir dan memperkenalkan barang keluarannya dalam bentuk 2D atau 3D, selain menerima, mengurus dan memproses permintaan pembelian serta menerima bayaran daripada agensi Kerajaan menerusi internet.

## Sambungan dari muka hadapan

Selain itu, syarikat-syarikat pembekal boleh mendaftar dan memperbaharui pendaftaran mereka dengan Kementerian Kewangan menerusi eP. Syarikat pembekal boleh mengemukakan borang permohonan, menyemak permohonan dan membuat pembayaran pendaftaran melalui eP.

Projek ePerolehan telah pun bermula sejak tahun 1995. Pada 6 Oktober 2000 eP telahpun berjaya melancarkan 2 modul iaitu perolehan menerusi Kontrak Pusat dan Pendaftaran Pembekal. Pada 10 Mei 2002, Modul Pembelian Terus pula telah dilancarkan manakala modul Sebutharga dan Tender mula dilaksanakan Julai 2003 lepas. Selaku pengguna perintis, pelaksanaan eP di Perbendaharaan telah dimulakan semenjak 6 Oktober 2000. Bahagian/Seksyen di Kementerian Kewangan yang terlibat di dalam penggunaan eP adalah Seksyen Pentadbiran Pentadbiran (SPP) dan Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan (BPPK).

## Projek EG-AG - [www.egag.gov.my](http://www.egag.gov.my)



Semua projek-projek Kerajaan Elektronik yang melibatkan transaksi kewangan dan perakaunan perlu dipautkan (*interface*) dengan sistem legasi Jabatan Akauntan Negara. Bagi memudahkan pautan ini, sistem e-SPKB bermaksud Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan secara elektronik atau "*Electronic Budgeting Control and Planning System*", diperkenalkan di setiap Pejabat Mengakaun Sendiri dan PTJ di seluruh Malaysia. Kaedah bayaran terus ke bank diperkenalkan juga secara elektronik iaitu pembayaran secara elektronik (EFT).

Hubungkait Aplikasi Kerajaan Elektronik melalui eSPKB

EP	Pembayaran pembelian bekalan dan perkhidmatan yang merangkumi kontrak pusat, kontrak jabatan, sebutharga dan tender terbuka yang dibayar samada menggunakan vot pembangunan (Vot P), vot mengurus (Vot B) atau vot tanggungan (Vot T)
PMS	Pembayaran pendahuluan kontrak dan juga bayaran kemajuan kontrak yang dibayar dengan menggunakan vot pembangunan (Vot P) bagi projek-projek fizikal dan non-fizikal
HRMIS	-Perlantikan, pertukaran, pemberhentian, perletakan jawatan dan persaraan kakitangan -Perubahan dan pembayaran gaji kakitangan kerajaan persekutuan -Pembayaran pemberian pinjaman kenderaan, komputer dan pendahuluan diri -Pembayaran tuntutan perjalanan kakitangan
E-SERVICES	-Urusniaga terimaan hasil daripada pendaftaran lesen memandu -Urusniaga terimaan daripada pembaharuan lesen memandu -Urusniaga terimaan hasil daripada pembayaran saman

Pelaksanaan eSPKB di Kementerian Kewangan telah dimulakan semenjak Januari 2001. Bahagian/Unit di Perbendaharaan yang terlibat di dalam penggunaan eP adalah Seksyen Pentadbiran Perbendaharaan (SPP).

## Sistem Pemantauan Projek II - [www.icu.gov.my](http://www.icu.gov.my)



Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) yang sebelum itu dikenali *Project Monitoring System* (PMS II) diwujudkan untuk memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan di bawah Rancangan Lima Tahun Malaysia.

SPP II dibangunkan bagi menggantikan sistem pemantauan yang lepas, Sistem Maklumat Bersepadu Setia Siap (SMBSS) di mana pendekatan dan pembaharuan ke arah perkembangan era ICT masa kini telah menghasilkan sistem pemantauan yang baru. Penggunaan SPP II dapat mempercepatkan proses perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian projek.

SPP II adalah sistem pemantauan pertama yang merangkaikan semua kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan termasuk daerah dan negeri secara on-line di mana maklumat projek yang disediakan adalah yang terkini dan boleh dicapai pada bila-bila masa. SPP II telah dilancarkan oleh Y.Bhg. Perdana Menteri pada 8 Mei 2001 dan kini sedang digunakan oleh kementerian-kementerian.

## Sambungan dari muka 2

Pelaksanaan SPP II di Kementerian Kewangan telah dimulakan pada 22 Mac 2001. Agensi-agensi di Kementerian Kewangan yang terlibat di dalam penggunaan SPP II adalah Bahagian Pentadbiran, Bahagian Kawalan dan Pemantauan, Bahagian Pengurusan Pinjaman dan Dasar Kewangan, Bahagian Penyelarasan Syarikat MK(D) Penswastan dan Perusahaan Awam, Bahagian Khidmat Nasihat Pengurusan Kewangan, Jabatan Kastam Di Raja Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan Perbadanan Labuan.

Kesemua agensi berkenaan dihubungkan kepada server SPP yang terletak di BNPK bagi tujuan pengemaskinian maklumat projek, pemantauan dan pengemaskinian kemajuan projek. Maklumat-maklumat berkenaan akan direplicate ke pangkalan data SPP di Jabatan Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Kementerian Kewangan telah menggunakan sepenuhnya SPP II di dalam memantau status dan kemajuan projek yang sedang dilaksanakan.

## Bursa Buruh Elektronik - [www.elx.com.my](http://www.elx.com.my)



Bursa Buruh Elektronik atau ELX secara rasminya telah dilancarkan oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn pada 30 Mei 2002. Ia terdiri dari 3 sistem aplikasi iaitu *Job Clearing System (JCS)*, *Labour Market Database (LMD)* dan *Office Productivity System (OPS)*.

Projek ELX ini ditubuhkan bagi meningkatkan perkhidmatan pekerjaan dengan memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi. Ia bertindak sebagai 'one stop centre' bagi maklumat mengenai pasaran buruh yang dapat diakses oleh agensi kerajaan, pihak swasta dan masyarakat keseluruhannya.

Objektif projek ini ialah untuk meningkatkan pepadanan pencari kerja dan kekosongan jawatan secara elektronik disamping mempertingkatkan mobilisasi pekerja dan juga tahap guna tenaga. Pencari kerja dan pihak majikan masing-masing memohon pekerjaan dan mendaftarkan kekosongan pekerjaan secara "online" sementara pepadanan kerja, mengumpul dan menganalisis maklumat pasaran buruh dibuat secara elektronik.

Projek ini secara tak langsung meluaskan penyebaran maklumat pasaran buruh yang diharapkan dapat menyumbang kepada keharmonian perusahaan

## HRMIS - [www.hrmis.com.my](http://www.hrmis.com.my)



Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (*Human Resource Management Information System (HRMIS)*) bertujuan meningkatkan keberkesanan Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam melalui penggunaan teknologi maklumat. Maklumat setiap penjawat awam akan disimpan dalam pangkalan data berpusat. Maklumat yang dimasukkan ini meliputi maklumat daripada mula penjawat awam dilantik sehingga ke saat beliau meninggalkan Perkhidmatan Awam, sama ada meletak jawatan atau bersara. Semua transaksi berkenaan adalah secara *on-line* dan *real-time*.

Diantara modul-modul yang terdapat pada HRMIS adalah pengurusan rekod peribadi, data perjawatan, penerbitan web, direktori Kerajaan, pengurusan prestasi, pengurusan kerjaya, penilaian kompetensi, perolehan sumber manusia, pembangunan, penamatan perkhidmatan, pengurusan komunikasi dan tata tertib pekerja, pangkalan ilmu, pengisytiharan harta, pengurusan saraan, faedah & ganjaran, formulasi & penilaian strategi dan sistem maklumat eksekutif & sistem bantuan keputusan.

## eServices



eServices diwujudkan untuk memudahkan dan meningkatkan tahap capaian perkhidmatan untuk orang awam melalui pelbagai saluran elektronik seperti kiosk, *interactive voice response (IVR)* / telefon dan perkhidmatan Internet iaitu [www.eservices.com.my](http://www.eservices.com.my), [www.rilek.com.my](http://www.rilek.com.my) dan [www.myeg.com.my](http://www.myeg.com.my).

Perkhidmatan yang sedia digunakan adalah perkhidmatan-perkhidmatan Pertanyaan dan Pembayaran Saman JPJ, Penjadualan dan Ujian Memandu, Pengeluaran dan Pembaharuan Lesen Memandu, Pertanyaan dan Pembayaran Saman Polis Trafik Di Raja Malaysia dan Pembayaran Bil Elektrik TNB.

## DIARI KURSUS BNPK SEPANJANG SEPTEMBER - NOVEMBER 2003

### September

A	I	S	R	K	J	S
	1	2	3	4	5	6
7	8	9	10	11	12	13
14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30				

### Oktober

A	I	S	R	K	J	S
			1	2	3	4
5	6	7	8	9	10	11
12	13	14	15	16	17	18
19	20	21	22	23	24	25
26	27	28	29	30	31	

### November

A	I	S	R	K	J	S
						1
2	3	4	5	6	7	8
9	10	11	12	13	14	15
16	17	18	19	20	21	22
23	24	25	26	27	28	29
30						

Kursus Walk-in

Kursus Komputer Mikro- Asas dan Pertengahan Microsoft Word 2000

Kursus Komputer Mikro- Asas dan Pertengahan Microsoft Excel 2000

Semua Kursus adalah :  
 i) Terbuka kepada semua bahagian di Perbendaharaan Malaysia.  
 ii) Diadakan di Bilik Latihan STM, Tingkat 7 Selatan, Perbendaharaan Malaysia, Kompleks Kementerian Kewangan.

## Teka Silangkata

	1				2		
					3		
4							
5							
					6		
7							
							8
				9			

### Soalan Melintang

1. Sistem pepadanan pencari kerja dan jawatan kosong secara elektronik.
3. Projek yg melibatkan kerajaan elektronik, *multipurpose card, smart school, telehealth, E-business, technoprenur development*.
4. Sistem yang digunakan untuk merancang dan mengawal belanjawan secara elektronik.
5. Interactive \_\_\_\_\_ response, kaedah perhubungan telefon yang telah diprogramkan.
7. Modul ep yang mula dilaksanakan pada Julai 2003, modul sebutharga dan \_\_\_\_\_.
9. Sistem pemantauan syarikat kerajaan-kerajaan dan badan-badan berkanun berdasarkan kewangan dan bukan kewangan.

### Soalan Menegak

1. Sistem yang menyediakan kaedah pengembangan perolehan kepada pembelian secara terus, sebut harga dan tender.
2. Sistem yang digunakan oleh Bahagian Pentadbiran Perbendaharaan.
6. Menyediakan satu antaramuka bagi anggota perkhidmatan awam untuk melaksanakan tugas-tugas pengurusan sumber manusia.
8. Nama lama bagi sistem pemantauan projek.

### PENAUNG

Pn. Maimon bt. Johari

### PENASIHAT

Dr. Azizah bt. Arifin

### KETUA EDITOR

Pn. Nor'aini bt. Abd. Razak  
En. Zakaria b. Deraman

### SIDANG EDITOR

Pn. Zuraidah bt. Abdul Rahman  
En. Ibrahim b. Ismail  
Pn. Ruhana bt. Abd. Rahman  
En. Zulkifli b. Ahmad  
Cik Wan Amishah bt. Wan Mahmud  
Pn. Rose Dalalin bt. Taha

Cik Rozaini bt. Othman  
Y.M Cik Raja Liana bt. Raja Yacob  
Pn. Azian Fatilah Mia  
Pn. Ruhani bt. Abd. Aziz  
En. Ahmad Zaki b. Haman Afandi  
En. Mohd Nizam b. Jamaluddin

### DESIGN & PERCETAKAN

En. Mohd Fakhru Zaman b. Tahir  
En. Tim Leary @ Timothy Thadius

### EDARAN

En. Asahar b. Ahmat